

KIMMA sokong pimpinan Mahathir

Bahan asal dari AMB
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis — Kongres India Muslim Malaysia, KIMMA, menegaskan sekali lagi sokongan mereka kepada Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sokongan itu ditegaskan oleh Presidennya, Encik Badrul Zaman dalam mesyuarat agung tahunan KIMMA di sini pada 18 Oktober lalu.

Dalam satu kenyataan hari ini, Timbalan Setiausaha Agung KIMMA, Encik A.R. Syed Ibrahim berharap ahli-ahli parti akan bersabar dan bertenang sebelum keputusan permohonan itu diketahui.

Dalam mesyuarat agung itu, Encik Badrul Zaman dipilih semula sebagai Presiden, manakala Encik S.K. Moideen dipilih sebagai Timbalan Presiden, Encik Ahmad Tajuddin (Setiausaha Agung), Encik A.R. Syed Ibrahim (Timbalan Setiausaha Agung) dan Lebbai Ghani (Bendahari). — Bernama.